

# **KESTABILAN DINAR DAN DIRHAM : SATU KAJIAN TERHADAP MAS KAHWIN KELUARGA NABI MUHAMMAD S.A.W**

Nusaibah bt. Hilaluddin<sup>1</sup>  
Khaulah bt. Hilaluddin<sup>2</sup>  
Mohd Nazri b. Muhyiddin<sup>3</sup>  
Azwan b. Abdullah<sup>4</sup>

## ***Abstrak***

*Kajian ini membincangkan kestabilan dinar dan dirham sebagai mata wang ekonomi umat Islam. Skop kajian ini tertumpu kepada mas kahwin isteri-isteri dan anak-anak perempuan Rasulullah S.A.W sebagai tali ukur kepada kestabilan mata wang tersebut sehingga ke hari ini. Untuk itu, kestabilan nilai dinar dan dirham dalam artikel ini dijadikan landasan. Manakala kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif di mana analisis dokumen diproses setelah pengumpulan data. Akhirnya, hasil kajian menunjukkan bahawa mas kahwin dalam keluarga Nabi Muhammad S.A.W yang menggunakan dinar dan dirham adalah yang stabil dan menguntungkan. Kesimpulannya, dinar dan dirham boleh dijadikan panduan utama untuk penentuan nilai mas kahwin pada hari ini.*

**Kata kunci :** *Mas kahwin, Dinar, Dirham*

## **PENDAHULUAN**

Rasulullah S.A.W merupakan contoh tauladan yang lengkap dalam semua aspek kehidupan, termasuklah dalam hal berkaitan jual beli dan

---

<sup>1</sup> Nusaibah bt. Hilaluddin, calon Sarjana di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

<sup>2</sup> Khaulah bt. Hilaluddin, calon Sarjana di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

<sup>3</sup> Mohd Nazri b. Muhyiddin (Ph.D), Pensyarah Kanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

<sup>4</sup> Azwan b. Abdullah (Ph.D), Pensyarah Kanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

perkahwinan. Rasulullah S.A.W telah berurusan dalam muamalat<sup>5</sup> dengan mata wang dinar dan dirham.

Sebenarnya, penggunaan emas dan perak telah digunakan secara meluas dan diterima pakai sebagai mata wang hampir di seluruh dunia berikutan nilai yang tersimpan di dalam logam berharga itu sendiri. Ibn Khaldun<sup>6</sup> dalam *Muqaddimah* turut menukilkan berkenaan penggunaan emas dan perak sebagai medium perantaraan jual beli dan penyimpan nilai harta dan kekayaan manusia katanya:

*“Allah telah menciptakan dua jenis logam, iaitu emas dan perak sebagai pengukur nilai bagi semua harta. Penduduk dunia menganggapnya sebagai harta dan kekayaan. Meskipun barang-barang selain keduanya itu diperlukan dalam keadaan-keadaan tertentu, namun hasratnya adalah untuk mendapatkan emas dan perak. Barang-barang mempunyai harga yang turun naik dalam pasaran kecuali emas dan perak. Emas dan perak menjadi dasar keuntungan, harta dan kekayaan.”<sup>7</sup>*

Ungkapan di atas menggambarkan bahawa dinar dan dirham sebagai alat jual beli yang kekal stabil nilainya.<sup>8</sup> Logam-logam tersebut mampu menyimpan nilai (*intrinsic value*), yang mana nilainya statik dan tidak berubah sepanjang zaman.

---

<sup>5</sup> Muamalat itu terbahagi kepada lima; pertukaran pemilikan harta, urusan nikah kahwin, urusan kehakiman, urusan peninggalan pusaka dan amanah. Lihat Muḥammad Amīn b. ‘Ābidīn (2003), *Radd al-Muḥītār ‘alā al-Dar al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, t.q. al-Shaykh ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, al-Shaykh ‘Alī Muḥammad Ma’ud , j.1, al-Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, h.28.

<sup>6</sup> Ibnu Khaldun ialah Abū Zayd ‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. Khaldūn al-Ḥaḍramī, lahir tahun 1332H dan meninggal tahun 1406H pada umur 73 tahun, Ibnu Khaldun merupakan salah seorang pakar sejarah Arab teragung, juga dikenali sebagai bapa kepada sejarah kebudayaan dan sains sosial moden. Karyanya yang terkenal adalah *Muqaddimah*. Lihat [https://en.wikipedia.org/wiki/Ibn\\_Khaldun](https://en.wikipedia.org/wiki/Ibn_Khaldun), dirujuk pada 2 Oktober 2016

<sup>7</sup> ‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. Khaldūn al-Ḥaḍramī (2004), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, t.q. ‘Abd Allāh Muḥammās al- Darwīsh, j.2, Dimashq: Dār Balkhi & Maktabah al-Hidāyah, h. 66

<sup>8</sup> Kestabilan dinar dan dirham disandarkan kepada nilai gram emas dan perak, bukan disandarkan kepada mata wang ringgit Malaysia yang sering berubah-ubah.

## DEFINISI DINAR, DIRHAM DAN MAS KAHWIN

### 1. Definisi Dinar Dan Dirham

Dinar menurut *Kamus Dewan* adalah mata wang emas. Emas sejenis logam berwarna kuning yang mahal harganya.<sup>9</sup> Manakala dirham menurut *Kamus Dewan* juga adalah mata wang perak pada masa dahulu. Perak sejenis logam berwarna putih dan berkilat.<sup>10</sup> Manakala menurut *The Encyclopedia of Islam*, dinar adalah nama kepada unit mata wang emas pada awal Islam<sup>11</sup> dan dirham pula adalah unit mata wang perak sejak zaman kebangkitan Islam.<sup>12</sup>

Dinar adalah hasil gabungan kalimah *dīn* (agama) dan *nār* (neraka). Menurut Ibn Kathīr (1300-1373) dalam penulisan tafsir al-Quran beliau, Ibn Abī Ḥātim telah berkata : Sa’īd b. Amrū al-Sukūnī telah memberitahu kepada kami dan yang lain, daripada Ziyād b. al-Haytham, Mālik b. Dīnar telah berkata, sesungguhnya dinamakan dinar kerana perkataan asalnya iaitu *dīn* (agama) dan *nār* (neraka). Maksudnya, sesiapa yang menggunakan harta secara yang hak (benar), maka itu merupakan tuntutan agama. Tetapi, jika sesiapa yang menggunakan harta secara batil (salah), maka baginya *nār* (neraka).<sup>13</sup>

Penduduk Arab di Mekah dan Madinah pada abad ke-6 dan ke-7 Masihi telah menggunakan dinar emas, iaitu syiling emas dan perak yang telah dikeluarkan dan digunakan di wilayah-wilayah Empayar Byzantium dan Empayar Sasan. Mata wang emas Byzantium ini dipanggil *solidus* manakala mata wang perak Sasan dipanggil *drachm*. Orang Arab sebelum Islam mengenali syiling emas Byzantium sebagai dinar (daripada perkataan *denarius* Roman) dan syiling perak Sasan sebagai dirham.<sup>14</sup>

Dinar emas merupakan syiling emas yang telah diguna pakai sebelum zaman Islam dan diterima penggunaannya pada zaman Rasulullah S.A.W, sahabat dan para tabiin sehingga dikenali sebagai mata wang umat Islam. Khalifah Umar al-Khattab r.h. telah menempa syiling

<sup>9</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002), Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 306 dan 332.

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 307 dan 1011.

<sup>11</sup> B. Lewis et al (1983), *The Encyclopedia Of Islam*, j. 2, Leiden: E. J. Brill, Netherland, h. 297.

<sup>12</sup> *Ibid*. h. 319.

<sup>13</sup> Isma’īl b. Kathīr al-Dimashqī (2000), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, t.q. Muṣṭafā al-Sa’īd Muḥammad et al., j.3, al-Qahirah: Mu’assasah Qurṭubah, h. 89-90.

<sup>14</sup> Amat @ Anwar Haji Zainal Abidin (2002), “Sejarah Penggunaan Matawang Dinar”, (Kertas Kerja Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan, anjuran Universiti Sains Islam Malaysia di Kuala Lumpur, 16 Mac 2002)

perak (dirham) mengikut acuan Sasan dengan beberapa perubahan, Saidina Umar r.h. memasukkan ungkapan *al-Ḥamdu lillāh* (Segala Puji hanya bagi Allah), *Muhammad Rasūl Allah* (Muhammad Pesuruh Allah) dan *lā ilāh illā Allah wāḥdah* (Tiada tuhan yang layak diabdikan diri melainkan Allah Yang Esa) pada mata wang yang baru ditempa dan diubah kepada reka bentuk rekabentuk baru.<sup>15</sup>

Penggunaannya berterusan sehingga zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah pada tahun 1924. Manakala dinar emas moden mula kembali ditempa pada tahun 1992 di Dubai dan saranan untuk memartabatkan kembali penggunaannya mula dibentangkan setelah negara-negara ASEAN dilanda krisis mata wang yang teruk pada tahun 1997.<sup>16</sup> Kini, dinar dan dirham digunakan untuk tujuan seperti simpanan, pelaburan dan pemberian hadiah atau mas kahwin. Dinar dan dirham masa kini ditempa dengan berat setiap dinar adalah 4.25 gram emas tulen dan setiap dirham pula seberat 2.975 gram perak tulen.<sup>17</sup>

## 2. Definisi Mas Kahwin

Mas kawin atau mahar adalah nama harta yang wajib diberikan kepada perempuan daripada pihak lelaki melalui perkahwinan.<sup>18</sup> Selain itu, mas kahwin juga berbentuk bukan harta, seperti mengajar al-Quran, memerdekaan hamba (sekiranya isteri seorang hamba) dan memeluk Islam (sekiranya suami bukan beragama Islam).<sup>19</sup>

## MAS KAHWIN DALAM KELUARGA NABI MUHAMMAD S.A.W

Keluarga Nabi S.A.W yang dimaksudkan dalam perbincangan ini adalah isteri-isteri Nabi S.A.W dan anak-anak perempuan baginda S.A.W. Isteri-isteri Rasulullah S.A.W semuanya 11 orang yang kekal bersama baginda

<sup>15</sup> Salmy Edawati Yaacob dan Hailani Muji Tahir (2009), “Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Mata wang Dunia”, Jurnal al-Tamaddun, bl. 4, h. 107-127.

<sup>16</sup> Salmy Edawati Yaacob dan Hailani Muji Tahir (2012), “Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia”, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Jilid 5, Julai 2012, h. 53-63.

<sup>17</sup> B. Lewis (1983), *op. cit.*, h. 297 dan 319.

<sup>18</sup> Yahyā b. Sharaf al-Nawawī (2003), *al-Rawḍah al-Tālibīn*, t.q. al-Shaykh ‘Ādil Ahmad ‘Abd al-Mawjūd, al-Shaykh ‘Alī Muḥammad Ma’ud, j. 5, Bayrūt: Dār ‘Ālam al-Kutub, h. 574 .

<sup>19</sup> Umumnya tiada had kadar mas kawin samada tinggi atau rendah. Ia mengikut kemampuan masing-masing sebagai lambang pengorbanan seorang suami kepada bakal isterinya. Walaupun begitu, kadar mas kawin keluarga Nabi Muhammad S.A.W adalah yang terbaik untuk diikuti. Allah berfirman yang bermaksud: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”. (Al-Ahzāb 33: 21).

S.A.W dan dua lagi telah diceraikan oleh baginda S.A.W atas sebab-sebab tertentu. Sembilan orang isteri Rasulullah S.A.W yang masih hidup setelah kewafatan Rasulullah S.A.W pada 11 Hijrah selain Khadijah r.h. dan Zaynab bt. Khuzaymah r.h. Manakala anak-anak perempuan baginda S.A.W adalah seramai empat orang, mereka ialah Fātimah r.h., Zaynab r.h., Ruqayyah r.h. dan Umm Kalthūm r.h. Kesemuanya meninggal dunia ketika hayat baginda S.A.W kecuali Fātimah r.h. meninggal enam bulan selepas kewafatan Nabi S.A.W.<sup>20</sup>

## **1. Mas Kahwin Isteri-isteri Nabi Muhammad S.A.W.**

Khadījah bt. Khuwaylid merupakan wanita pertama yang dikahwini Rasulullah S.A.W ketika Rasulullah S.A.W berusia 25 tahun dan Khadījah r.h. berusia 40 tahun.<sup>21</sup> Baginda S.A.W memberi mas kahwin kepada Khadījah r.h. sebanyak 20 ekor unta muda.<sup>22</sup> Beliau r.h. telah melahirkan zuriat Nabi Muhammad S.A.W seramai enam orang, dua orang putera dan empat orang puteri. Kedua-dua putera baginda S.A.W meninggal ketika masih kecil. Ketika bersama Khadījah r.h., Nabi Muhammad S.A.W tidak berkahwin dengan mana-mana wanita.<sup>23</sup> Setelah kematian Khadījah bt. Khuwaylid r.h., Rasulullah S.A.W telah berkahwin dengan Sawdah bt. Zam'ah pada bulan Syawal tahun ke-10 Kenabian.<sup>24</sup> Mas kahwin Sawdah r.h. adalah sebanyak 400 dirham.<sup>25</sup>

Seterusnya pada bulan Syawal tahun ke-11 Kenabian, ‘Āishah bt. Abī Bakr al-Ṣiddīq r.h. telah dikahwini oleh Rasulullah S.A.W setelah setahun perkahwinan baginda S.A.W dengan Sawdah r.h.. Ketika itu, ‘Āishah r.h. berumur enam tahun dan satu-satunya anak dara yang dikahwini oleh Rasulullah S.A.W. ‘Āishah r.h. tinggal bersama dengan baginda S.A.W setelah beliau berusia sembilan tahun. Mas kahwin ‘Āishah r.h. adalah sebanyak 400 dirham.<sup>26</sup> Beliau seorang isteri yang lebih dicintai oleh Rasulullah S.A.W serta wanita yang paling mendalam pengetahuan agamanya di kalangan umat ini serta yang paling alim di kalangan seluruh umat.<sup>27</sup> Pada bulan Zulkaedah tahun kelima Hijrah,

<sup>20</sup> Ṣaḥīḥ al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2007), *al-Raḥīq al-Makhtūm*, Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū‘ūn al-Islāmiyyah, h.473 dan Abd al-Malik b. Hishām (1990), *Sīrah Ibn Hishām*, t.q. ‘Umar ‘Abd al-Salām Tadmūrī, j. 4, c. 3, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 295.

<sup>21</sup> Ṣaḥīḥ al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2010) *op. cit.* dan Ibn Hishām (1990), *op. cit.*, j. 1, h. 215 & j.4, h. 291.

<sup>22</sup> Ṣaḥīḥ al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2010) *op. cit.*

<sup>23</sup> *Ibid.* h. 60 dan Ibn Hishām (1990), *op. cit*

<sup>24</sup> Ṣaḥīḥ al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2010) *op. cit.*

<sup>25</sup> Ibn Hishām (1990), *op. cit.*, j. 4 h. 292.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Ṣaḥīḥ al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit.*

Rasulullah S.A.W telah berkahwin dengan Zaynab bt. Jahsh b. Riyāb r.h. yang berasal daripada Bani Asad b. Khuzaimah. Beliau merupakan anak ibu saudara Rasulullah S.A.W (saudara sepupu) sebelah bapa. Beliau merupakan bekas isteri kepada Zayd b. Ḥārithah yang merupakan anak angkat Nabi S.A.W. Rasulullah S.A.W mengahwini Zaynab bt. Jahsh r.h. dengan mas kahwin 400 dirham<sup>28</sup> setelah Allah S.W.T berfirman kepada baginda S.A.W:

﴿فَلَمَّا قَضَى رَبِيعُ الْأَوَّلِ مِنْهَا وَطَرَأَ زَوْجَتَكَاهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَزْوَاجٍ أَدْعِيَّا بِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرَأَ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولاً﴾

(Al-Aḥzāb 33: 37)

*Kemudian setelah Zayd selesai habis kemahuan terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya). dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku.*

Pada bulan Syawal tahun keempat Hijrah, Rasulullah S.A.W telah berkahwin pula dengan Umm Salamah Hindun bt. Abī Umayyah r.h. yang merupakan balu kepada Abu Salamah.<sup>29</sup> Mas kahwin Umm Salamah r.h. berupa tilam yang berisi sabut, gelas, pinggan mangkuk dan alat penggiling.<sup>30</sup> Kemudiannya pada tahun ketiga Hijrah, Rasulullah S.A.W telah berkahwin dengan Hafṣah bt. Umar al-Khattab r.h. yang telah menjadi janda setelah kematian suaminya Khunays b. Hudhāfah selama jarak masa antara perang Badar dan Uhud.<sup>31</sup> Rasulullah S.A.W telah mengahwininya dengan mas kahwin sebanyak 400 dirham.<sup>32</sup>

Seterusnya, baginda S.A.W berkahwin dengan Umm Ḥabībah Ramlah bt. Abī Sufyān r.h. yang merupakan bekas isteri ‘Ubaydullah b. Jahsh dan pernah berhijrah ke Habshah bersama suaminya. Ketika di Habshah, suaminya telah murtad dan menganut agama Nasrani dan

<sup>28</sup> Ibn Hishām (1990), *op. cit.*

<sup>29</sup> Safi al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit*, h.474.

<sup>30</sup> Ibn Hishām (1990), *op. cit.*

<sup>31</sup> Safi al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit.*

<sup>32</sup> Ibn Hishām (1990), *op.cit* , h. 293

meninggal dunia di sana. Sementara itu, Umm Ḥabībah masih teguh berpegang kepada Islam. Dalam kesempatan Rasulullah S.A.W mengutuskan ‘Amrū b. Umayyah al-Ḍamri untuk membawa surat kepada al-Najāshī pada bulan Muharram tahun ketujuh Hijrah, Nabi S.A.W turut melamarnya dan mengahwininya untuk dirinya sendiri.<sup>33</sup> Baginda S.A.W mengahwini Umm Ḥabībah dengan mas kahwin sebanyak 4,000 dirham yang diberi oleh al-Najāshī mewakili Rasulullah S.A.W. Kemudian, Nabi S.A.W mengutuskan Shurahbīl b. Ḥasanah untuk membawanya pulang.<sup>34</sup>

Baginda S.A.W kemudiannya berkahwin dengan Juwayriyyah bt. al-Ḥārith r.h. yang merupakan ketua Banī al-Muṣṭaliq daripada Kabilah Khuzā'ah. Beliau pada mulanya menjadi tawanan milik Thābit b. Qays b. Shammas, kemudiannya Thābit bersetuju untuk membebaskannya dengan *mukātabah*<sup>35</sup>, lalu Rasulullah S.A.W membayar bayaran tebusan pembebasannya dan mengahwininya pada bulan Sya'ban tahun enam Hijrah<sup>36</sup> dengan mas kahwin sebanyak 400 dirham.<sup>37</sup> Setelah Khaybar berjaya dikuasai, Rasulullah S.A.W memilih Ṣafiyyah bt. Huyay r.h. untuk dirinya dan memerdekaannya serta mengahwininya. Ṣafiyyah bt. Huyay r.h. berasal daripada Bani Israel dan beliau antara tawanan perang Khaybar.<sup>38</sup>

Pada tahun ketujuh Hijrah, Rasulullah S.A.W berkahwin pula dengan Maymun bt. al-Ḥārith r.h. yang merupakan saudara perempuan Umm al-Faḍl Lubābah bt. al-Ḥārith. Baginda S.A.W mengahwininya pada bulan Zulkaedah semasa menuaikan Umrah Qaḍā', selepas baginda S.A.W selesai bertahallul dari umrah menurut pendapat sahih.<sup>39</sup> Menurut Ibn Hisḥām, al-Abbās b. ‘Abd al-Muṭṭalib telah membayar mas kahwin sebanyak 400 dirham bagi pihak Baginda S.A.W.<sup>40</sup> Seterusnya, baginda S.A.W telah berkahwin pula dengan Zaynab bt. Khuzaymah r.h. yang berasal daripada Banī Hilāl b. ‘Āmir b. Ṣa’ṣah. Beliau digelar Umm al-Masākīn (ibu orang-orang miskin) kerana sikapnya yang penyayang dan

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Muḥammad Syam al-Ḥaq al-‘Azīz Ābādī (1968), ‘Awn al-Ma’būd Shyarah Sunan Abī Dāwud, kitāb al-Nikāh, t.q. ‘Abd al-Rahmān Muḥammad ‘Uthmān, no.h. 2093, j. 6, c. 2, al-Madīnah al-Munawarah: al-Maktabah al-Salafiyah, h. 136. Lihat Yahyā b. Syaraf al-Nawawī (1994), *Sahīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, kitāb al-Nikāh, no. h. 1426, j. 9, c. 2, Mu’assasah Qurṭubah, h. 306.

<sup>35</sup> *Mukātabah* adalah budak yang dimerdekaan oleh pemiliknya apabila membayar sejumlah wang kepada pemiliknya dalam tempoh waktu yang ditetapkan secara ansuran. Lihat Abū Bakr Jābir al-Jazā’irī (1964), *Minḥāj al-Muslim* c. 4, Qāhirah: Dār al-Salām, h. 437

<sup>36</sup> Ṣafī al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit.*

<sup>37</sup> Ibn Hisḥām (1990), *op.cit.*, h. 293-294

<sup>38</sup> *Ibid.* Ṣafī al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Ibn Hisḥām (1990), *op. cit.*, j. 4 h. 8 & h.294

sikap lemah-lembutnya terhadap orang-orang miskin. Beliau merupakan isteri kepada Abdullah b. Jahsy yang gugur syahid dalam Peperangan Uhud. Kemudiannya, Rasulullah S.A.W mengahwini beliau pada tahun empat Hijrah<sup>41</sup> dengan mas kahwin sebanyak 400 dirham.<sup>42</sup> Beliau meninggal setelah dua atau tiga bulan mengahwini Rasulullah S.A.W.

Menurut Ibn Hishām lagi, Asmā' bt. Ka'b al-Jawniyyah telah dikahwini Rasulullah S.A.W akan tetapi baginda S.A.W telah menceraikannya tanpa menggaulinya.<sup>43</sup> Selain itu, Umrah bt. Yazīd berasal daripada Bani Kilab juga telah berkahwin dengan Rasulullah S.A.W. Kemudian, diceraikan oleh Rasulullah sebelum menggaulinya juga.<sup>44</sup> Kedua-duanya diceraikan atas sebab-sebab tertentu. Setakat ini, belum diperoleh sumber yang menyebut tentang kadar mas kawin kedua-duanya.

Menurut pendapat Ibn Qayyim, Rayhanah antara salah seorang isteri Rasulullah S.A.W yang berasal daripada hamba baginda S.A.W.<sup>45</sup> Rayhānah bt. Zayd al-Nadriyyah atau al-Qarziyyah adalah daripada kalangan orang tawanan Bani Qurayzah, kemudian baginda S.A.W memilihnya untuk dirinya.<sup>46</sup> Beliau dimerdekkakan oleh Rasulullah S.A.W kemudian baginda S.A.W mengahwininya.<sup>47</sup> Wanita yang menjadi hamba Rasulullah S.A.W selain Rayhanah adalah Māriyah al-Qibtiyyah. Māriyah al-Qibtiyyah telah dihadiahkan oleh Maqawqis kepada baginda S.A.W. Hasil perkahwinan baginda S.A.W dengan Māriyah, lahirnya seorang putera yang bernama Ibrahim. Ibrahim telah meninggal dunia ketika masih kecil di Madinah pada tahun sepuluh Hijrah dalam masa hayat baginda S.A.W.<sup>48</sup> Abū 'Ubaydah menyebut bahawa ada dua lagi hamba wanita Rasulullah S.A.W, Jamīlah yang dimiliki ketika tawanan perang dan seorang lagi yang dihadiahkan oleh Zaynab bt. Jahsh.<sup>49</sup>

Jadual 1: Senarai rumusan kadar mas kahwin isteri-isteri Nabi Muhammad S.A.W

Bil.	Nama			Kadar Mas Kahwin
1	Khadījah	bt.	Khuwaylid	al-

<sup>41</sup> Ṣafī al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit.*

<sup>42</sup> Ibn Hishām (1990), *op.cit.*, h.294

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 295

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> Zād al-Ma'ād, t.q. Shu'ayb al-Arnāūṭ dan 'Abd al-Qādir al- Arnāūṭ, c. 27, j. 1, Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 113

<sup>46</sup> Safī al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit.* h. 706

<sup>47</sup> Muḥammad b. Abī Bakr al-Za'ī al-Dimashqī (1994), *op. cit.*

<sup>48</sup> Ṣafī al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2007), *op. cit.*

<sup>49</sup> Muḥammad b. Abī Bakr al-Za'ī al-Dimashqī (1994), *op. cit.*

	Asadiyyah r.h.	
<b>2</b>	Sawdah bt. Zam'ah r.h.	400 dirham
<b>3</b>	'Āisyah bt. Abu Bakar al-Śiddiq r.h.	400 dirham
<b>4</b>	Zaynab bt.Jahsh b. Riyāb r.h.	400 dirham
<b>5</b>	Umm Salamah Hindūn bt. Abī Umayyah r.h.	Mas kahwin berupa tilam yang berisi sabut, gelas, pinggan mangkuk dan alat penggiling.
<b>6</b>	Hafṣah bt.Umar b. al-Khattab r.h.	400 dirham
<b>7</b>	Umm Ḥabībah Ramlah bt. Abī Sufyān r.h.	4000 dirham <sup>50</sup> / 400 dinar <sup>51</sup>
<b>8</b>	Juwayriyyah bt. al-Hārith r.h.	400 dirham
<b>9</b>	Ṣafīyyah bt. Huyay r.h.	Rasulullah S.A.W memerdekan Ṣafīyyah r.h. sebagai mas kahwinnya.
<b>10</b>	Maymunah bt. al-Hārith r.h.	400 dirham
<b>11</b>	Zaynab bt. Khuzaymah r.h.	400 dirham
<b>12</b>	Asmā' bt. Ka'ab al-Jawniyyah	Belum diperoleh sumber yang menyebut tentang kadar mas kahwinnya.
<b>13</b>	Umrah bt. Yazīd	Belum diperoleh sumber yang menyebut tentang kadar mas kahwinnya.

Begitulah kehidupan Rasulullah S.A.W bersama wanita-wanita hebat yang digelar *Ummahāt al-Mu'minīn*.<sup>52</sup> Kadar mas kahwin isteri-isteri Rasulullah S.A.W di atas telah diceritakan oleh Ibn Hisham dalam kitab sirahnya sepihiknya yang telah dinyatakan, terdapat beberapa hadis yang sahih dalam menentukan kadar mas kahwin menurut sunnah Nabi Muhammad S.A.W.

Walaupun begitu, beberapa orang isteri Nabi S.A.W tidak diketahui kadar mas kahwin mereka, namun apa yang diberitahu oleh Aisyah r.h. sudah memadai. 'Āishah r.h. menceritakan bahawa mas kahwin kalangan isteri Rasulullah S.A.W adalah 12 'ūqiyyah dan satu

<sup>50</sup> Muhammad Syams al-Ḥaq al-'Azīz Ābādī (1968), *op. cit.* Lihat al-Nawawī (1994) *op. cit.*

<sup>51</sup> Ibn Hishām (1990), *Op. cit.* h. 293. Lihat al-Nawawi (1994) *op. cit.*

<sup>52</sup> Asma' bt. Kaab al-Junayah dan Umrah bt. Yazid tidak termasuk dalam gelaran *Ummahāt al-Mu'minīn* kerana telah bercerai dengan Rasulullah S.A.W. Lihat Ibn Hishām (1990), *op. cit.*

nashh bersamaan dengan 500 dirham. Abū Salamah b. ‘Abd al-Rahman telah meriwayatkan dalam hadis berikut :<sup>53</sup>

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّهُ قَالَ سَأَلْتُ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمْ كَانَ صَدَاقُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ كَانَ صَدَاقُهُ لِأَرْوَاجِهِ ثَنَيْ عَشْرَةً أُوقِيَّةً وَنَسَّا قَالَتْ أَتَدْرِي مَا النَّشُّ قَالَ فُلْثُ لَا قَالَتْ نِصْفُ أُوقِيَّةٍ فَقِيلَ لَهُمْ حَمْسُ مِائَةٍ دِرْهَمٍ فَهَدَا صَدَاقُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَرْوَاجِهِ

Daripada Abū Salamah b. Abd al-Rahmān bahawa dia berkata; Saya pernah bertanya 'Āishah, isteri Nabi S.A.W: "Berapakah kadar mas kahwin Rasulullah S.A.W?" Dia menjawab; "Mas kahwin beliau kepada para isterinya adalah sebanyak dua belas 'ūqiyyah dan satu nashh. Tahukah kamu, berapakah satu nashh itu?" Abu Salamah berkata; Saya menjawab; "Tidak." 'Āishah berkata; "Setengah 'ūqiyyah. Jumlah keseluruhannya sama dengan lima ratus dirham. Demikianlah mas kahwin Rasulullah S.A.W untuk isteri-isteri beliau.

Aisyah r.a telah menerangkan bahawa satu nashh bersamaan  $\frac{1}{2}$  'ūqiyyah. Satu 'ūqiyyah bersamaan 40 dirham.<sup>54</sup> Maka, 12 'ūqiyyah dan satu nashh bersamaan 500 dirham. Hadis di atas telah menunjukkan bahawa mas kahwin yang digemari Rasulullah S.A.W adalah sebanyak 500 dirham. Namun begitu, terdapat hadis yang meriwayatkan tentang mas kahwin isteri baginda S.A.W yang bernama Umm Ḥabībah adalah sebanyak 4,000 dirham:<sup>55</sup>

عَنْ أُمِّ حَبِيبَةَ أَنَّهَا كَانَتْ تَحْتَ عَبْيِدِ اللَّهِ بْنِ جَحْشٍ فَمَاتَ بِأَرْضِ الْحَبِيبَةِ فَزَوَّجَهَا النَّجَاشِيُّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَمْرَهَا عَنْهُ أَرْبَعَةَ آلَافٍ وَبَعَثَ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَ شُرْحِبِيلَ ابْنِ حَسَنَةَ قَالَ أَبُو دَاؤُودَ حَسَنَةُ هِيَ أُمُّهُ

<sup>53</sup> Muslim b. al-Hajjāj (t.t), *al-Jāmi' al-Sahīh*, kitāb al-Nikāh, t. tp, j. 4, h. 144.

<sup>54</sup> Al-Nawawī (1994), *op. cit.*

<sup>55</sup> Sulaymān b. al-'Ash'ath al-Sijistānī (2004), *Kitāb al-Sunan Sunan Abī Dāwud*, kitāb al-Nikāh, t.q. Muḥammad 'Awwāmah, no.h. 2100, j. 3, c. 2, Bayrūt: Mu'assasah al- Rayyān, h. 31. Hadis sahih menurut Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (2002), *Sahīh Abī Dāwud*, kitāb al-Nikāh, no. h. 1835, j. 6 , al- Kuwayt: Mu'assasah Gharas, h. 337.

*Daripada Umm Ḥabībah bahawa ia pernah menjadi isteri 'Ubaydullah b. Jahsh, kemudian suaminya meninggal di Negeri Habashah, lalu al-Najāshī menikahkannya dengan Nabi S.A.W. Mas kahwinnya sebanyak empat ribu (dirham) daripadanya (al-Najāshī), dan dia mengirimnya kepada Rasulullah S.A.W bersama Shurahbīl b. Ḥasanah. Abū Dāwud berkata; Hasanah adalah ibunya.*

Imam al-Nawawī telah menjawab persoalan berkaitan mas kahwin Umm Ḥabībah kenapa mas kahwinnya begitu tinggi. Katanya mas kahwin yang diterima oleh Umm Ḥabībah adalah dihadiahkan oleh al-Najāshī kerana baginda memuliakan Rasulullah S.A.W.<sup>56</sup>

Selain dirham sebagai mas kahwin, Nabi Muhammad S.A.W memerdekaan hamba sebagai mas kahwin. Kemerdekaan merupakan mas kahwin kepada Ṣafiyah r.h. seperti hadis yang diriwayatkan oleh Anas b. Mālik r.h.<sup>57</sup>

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْنَقَ صَفِيَّةَ وَجَعَلَ  
عِنْقَهَا صَدَاقَهَا

*Daripada Anas b. Mālik bahawa Rasulullah S.A.W memerdekaan Ṣafiyah dan menjadikan pembebasannya itu sebagai mas kahwinnya.*

Kesimpulannya, hanya terdapat beberapa hadis saih yang menunjukkan tentang kadar mas kahwin para isteri Rasulullah S.A.W. Menurut hadis saih daripada 'Āishah bt. Abū Bakr r.h, nilai mas kahwin para isteri Rasulullah S.A.W adalah tidak melebihi 500 dirham. Walaupun mas kahwin Khadijah bt. Khuwailid r.h. adalah 20 ekor unta muda,<sup>58</sup> namun hadis umum yang diceritakan Aisyah r.h telah menyatakan purata nilai mas kahwin isteri-isteri baginda S.A.W adalah cuma sebanyak 500 dirham.<sup>59</sup>

<sup>56</sup> Al-Nawawī (1994), *op.cit*, h. 306. Muḥammad Syams al-Haq al-‘Azīm Ābādī (1968), *op. cit*, no.h. 2093, h. 136.

<sup>57</sup> Muḥammad b. Ismā'īl al-Bukharī (1979), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, kitāb al-Nikāḥ, t.q, tas Muhib al-Dīn al-Khaṭīb, no. h. 5086, j.3, al-Qāhirah: al-Maktabah al-Ṣalafiyyah, h. 359.

<sup>58</sup> Kemungkinan 20 ekor unta ini dihadiahkan oleh mana-mana pihak sebagai mas kahwin seperti yang dilakukan oleh raja al-Najashī.

<sup>59</sup> Al-Nawawī (1994), *op.cit*.

## 2. Mas Kahwin Anak-Anak Perempuan Nabi Muhammad S.A.W.

Anak perempuan Rasulullah S.A.W terdapat empat orang, antaranya Fatimah bt. Nabi Muhammad S.A.W telah berkahwin dengan Saidina ‘Alī b. Abī Ṭālib. Beliau dikurniakan cahaya mata yang bernama Hassan, Hussin, Muhassinan, Umm Kalthūm dan Zaynab. Muhassinan telah meninggal dunia ketika kecil. Umm Kalthūm b. ‘Alī r.h. dikahwinkan dengan Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb r.h. manakala Zaynab bt. ‘Ali r.h. dikahwini Abdullah b. Ja’afar b. Abī Ṭālib r.h.<sup>60</sup>

Keduanya, Zaynab bt. Nabi Muhammad S.A.W telah berkahwin dengan Abū al-‘Āṣ b. Rabī‘ b. Abd al-‘Izz b. Abd Shams, anak lelaki kepada ibu saudaranya (sepupu). Ibu saudaranya bernama Halāt bt. Khuwaylid. Zaynab r.h. telah melahirkan seorang anak lelaki, akan tetapi anak lelakinya meninggal sewaktu kecil. Manakala anak perempuannya, Umamah yang didukung oleh Rasulullah S.A.W ketika solat, telah berkahwin setelah cukup umur dengan ‘Ali r.h. selepas Fātimah r.h. meninggal dunia.<sup>61</sup>

Seterusnya, Ruqayyah bt. Nabi Muhammad S.A.W telah berkahwin dengan Saidina Uthmān b. Affān r.h. Namun, beliau r.h. telah meninggal dunia.<sup>62</sup> Kemudiannya, Umm Kalthum bt. Nabi Muhammad S.A.W telah dikahwinkan dengan Saidina Uthmān b. Affān r.h. setelah Ruqayyah r.h. meninggal dunia.<sup>63</sup>

Mas kawin anak-anak perempuan Nabi Muhammad S.A.W telah disebut dalam hadis berikut:<sup>64</sup>

عَنْ أَبِي الْعَجَفَاءِ السُّلَمِيِّ قَالَ حَطَبَنَا عُمَرُ رَحْمَةُ اللَّهِ فَقَالَ أَلَا لَا تَعَالُوا بِصُدُقِ النِّسَاءِ فَإِنَّهَا لَوْ كَانَتْ مَكْرُمَةً فِي الدُّنْيَا أَوْ تَقْوَىٰ عِنْدَ اللَّهِ لَكَانَ أَوْلَأَكُمْ إِنَّمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَصْدَقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

<sup>60</sup> Ibid.

<sup>61</sup> ‘Abd al-Ghānī b. ‘Abd al-Wāhid al-Maqdisī (1413), Mukhtaṣar Sīrah al-Nabī S.A.W wa Sīrah Aṣḥābīh al-‘Asharah, t.q. Khālid b. ‘Abd al-Rahmān, Riyāq: Dār al-Waṭan, h. 40-41.

<sup>62</sup> Ibid.

<sup>63</sup> Ibid.

<sup>64</sup> Abū Dāwud (2004), *op. cit*, no. h. 2099, h. 30. Muḥammad b. Yazīd al-Quzwaynī (1998), *Sunan Ibn Mājah*, t.q. Bashshār ‘Awwār Ma’rūf, j. 3, Bayrut: Dār al-Jayl, h. 332. Muḥammad b. ‘Isā b. Sūrah al-Tirmidhī (2009), *al-Jāmi‘ al-Kabīr*, t.q. Shu’ayb al- Arnaūt dan ‘Abd al-Laṭīf, j. 2, Dimashq: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah, h. 585. Hadis hasan sahih menurut Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (2002), *op. cit*, no. h. 1834, h. 366

وَسَلَّمَ امْرَأَةٌ مِنْ نِسَائِهِ وَلَا أُصْدِقُتْ امْرَأَةٌ مِنْ بَنَاتِهِ أَكْثَرُ مِنْ ثِنْيَةِ عَشْرَةَ  
أُوْقِيَّةً.

*Daripada Abu al-'Ajfa` al- Sulami berkata; Umar b. Khattab berkata; "Janganlah kalian berlebih-lebihan dalam membayar mas kahwin wanita. Jika hal itu memang suatu kemuliaan di dunia atau suatu ketakwaan di sisi Allah, nescaya Nabi S.A.W telah melakukannya. Saya melihat beliau tidak berkahwin dengan para isterinya, juga tidak menikahkan para puterinya (dengan mas kahwin) lebih dari dua belas 'ūqiyyah.*

Dan dalam hadis riwayat Ibn 'Abbās:<sup>65</sup>

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ لَمَّا تَزَوَّجَ عَلَيْهِ فَاطِمَةَ قَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ أَعْطِهَا شَيْئًا قَالَ مَا عِنْدِي شَيْءٌ قَالَ أَيْنَ دِرْعُكَ الْحُطَمِيَّةَ.

*Daripada Ibn 'Abbās, ia berkata; di kala 'Ali berkahwin dengan Fātimah, Rasulullah S.A.W berpapanya: "Berikan sesuatu kepadanya!" Ia berkata; aku tidak memiliki sesuatu. Beliau berkata: "Di manakah baju besimu?".*

Kedua-dua buah hadis di atas membuktikan Fātimah anakanda Rasulullah S.A.W telah dikahwini oleh Saidina 'Alī r.h. dengan mas kahwin *hutamiyyah* (baju besi yang kuat dan berat yang boleh mematahkan mata pedang dan sebagainya), yang bernilai tidak lebih daripada 12 'ūqiyyah iaitu 480 dirham.<sup>66</sup> Nilai yang dinyatakan oleh Nabi Muhammad S.A.W untuk mas kahwin adalah satu nilai yang sederhana tidak terlampaui tinggi dan tidak juga nilai yang terlalu rendah. Nilai tersebut stabil dan kekal sepanjang masa iaitu dengan kadar 400 hingga 500 dirham tidak berubah-ubah sampai hari ini.

Maka jelaslah bahawa mas kahwin dalam keluarga Rasulullah S.A.W adalah mas kahwin yang paling sesuai untuk diamalkan sepanjang zaman. Jika kadar yang terlalu tinggi ditetapkan, akan membebani bakal suami dan ramai yang akan tidak mampu untuk membayar mas kahwin.

<sup>65</sup> Abū Dāwud (2004), *op.cit*, no.h. 2118, h. 39. Hadis saih menurut Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñī. Lihat Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñī (2002), *op. cit*, no. h. 1849, h. 349.

<sup>66</sup> Menurut al-Tirmidhī: 480 Dirham lebih kurang 1400 gram. Lihat al-Tirmidhī (2009) *op.cit*.

Ekoran daripada itu, kemungkinan berlakunya kahwin lewat atau berleluasanya maksiat dalam masyarakat.

## **NILAI 500 DIRHAM MENGIKUT MATA WANG KERTAS**

Dinar merupakan syiling emas yang beratnya 4.25 gram emas tulen, manakala dirham pula syiling perak yang beratnya 2.975 gram perak tulen. Timbangan ini merupakan piawaian Saidina Umar b. al-Khattab yang menentukan kadar tersebut. Kita perlu melihat kepada nilai kedua-duanya secara terperinci. (Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭab r.h. telah menetapkan timbangan berat 10 dirham bersamaan 7 mithqal (berat dinar) emas.) Ukuran piawaian ini bukanlah berdasarkan harga emas tetapi berdasarkan berat logam-logam tersebut yang mana 10 dirham bersamaan 29.75 gram perak dan juga 7 dinar bersamaan 29.75 gram emas.

Kadar nisbah dinar dan dirham ditetapkan 1:10 pada zaman Rasulullah S.A.W berdasarkan hadis berkenaan zakat: 20 dinar bersamaan 200 dirham. Kemudiannya, Saidina ‘Umar b. al-Khaṭṭab r.h. pula menetapkan nisbahnya kepada 1:12. Nisbah 1:15 ditetapkan pula oleh Khalifah Abd al-Malik b. Marwan dan berlangsung nisbah tersebut dalam tempoh yang cukup lama. Nisbah 1:16 kemudiannya ditetapkan oleh pihak Inggeris pada tahun 1811. Manakala di Hamburg pada tahun 1970-1827, nisbah yang digunakan adalah 1:14.86. Bentuk, nama dan corak fizikal dinar dan dirham adalah hiasan semata.<sup>67</sup> Hal ini tidak seperti wang fiat yang digunakan ketika ini, nilainya bergantung kepada kepercayaan dan pengakuan negara. Dinar dan dirham adalah wang nyata yang memiliki nilai tetap. Harga dinar adalah sekitar RM 174.50 manakala dirham berharga RM11.50 pada bulan Jun 2002. Namun kini, dinar bernilai RM 718 dan dirham bernilai RM20<sup>68</sup>. Ke mana pun dinar dan dirham dibawa, nilainya tidak berubah. Sekeping syiling dinar dan dirham akan tetap 4.25 gram emas tulen, dan sekeping dirham pula 2.975 gram perak tulen.

Menurut Roy W. Jastram, emas dapat mengekalkan kuasa jual beli untuk jangka masa yang lama.<sup>69</sup> Kelebihan logam-logam tersebut adalah dapat mengatasi inflasi.<sup>70</sup> Emas dan perak merupakan pelindung inflasi

<sup>67</sup> M. Shabri Abd. Majid (2006), “Analisis Terhadap Usaha Mendaulatkan Dinar dan Dirham Sebagai Mata Wang Alternatif Dunia Islam”, *Jurnal Syariah*, 14:2, h. 49-71

<sup>68</sup> Harga ini berdasarkan harga jualan dinar dan dirham Kelantan Gold Trade (KGT) graf pada bulan Januari 2016, <http://kgt.com.my/v4/>, dirujuk pada 5 Oktober 2016.

<sup>69</sup> Roy W. Jastram (2009), *The Golden Constant: The English and American Experience 1560-2007*, UK: Edward Elgar Publishing Limited, h. 232.

<sup>70</sup> Inflasi adalah kenaikan tingkat harga umum disebabkan pertambahan perbelanjaan yang tidak sepadan dengan pertambahan keluaran. Ini bermaksud kuantiti mata wang di pasaran melebihi kuantiti barang dan perkhidmatan yang ada di pasaran. Lihat *Kamus Dewan* (2002), *op. cit*, h. 490.

yang terbaik yang mana dapat mengekalkan kuasa beli dalam jangka masa panjang. Dinar dan dirham adalah bebas daripada segala unsur *gharar* dan riba. Spekulasi<sup>71</sup> dan manipulasi<sup>72</sup> juga dapat dihalang.

Nilai 500 dirham dalam jadual di bawah merujuk kepada harga ‘spot’ perak, harga asal tidak termasuk kos-kos sampingan seperti kos upah, kos pembuatan dan kos pengangkutan dan sebelum dibentukkan kepada jongkong, wafer, koin dan barang perhiasan. Proses pembentukan kepada bentuk jongkong, ukiran koin dan barang kemas memerlukan kos yang besar. Harganya sangat berbeza dengan dirham yang telah siap ditempa dengan ukiran yang cantik. Koin yang telah ditempa dan diukir mempunyai kos-kos tertentu dan perak yang diimport dari luar negara memberi suatu kesan kepada harga kini akan sekeping dirham. Harga yang berbeza akan ditawarkan di pasaran setelah siap dibentuk. Harga perak per gram dapat dilihat kenaikan dan penurunan harga semasa kerana bergantung kepada pasaran dunia. Pengiraan dalam jadual di bawah merujuk kepada piawaian Saidina ‘Umar b. al-Khaṭṭab r.h dan ditukar kepada Ringgit Malaysia.

Jadual 2 : 500 dirham menurut nilai Ringgit Malaysia (RM).

Bulan / Tahun	Harga 1 gram perak	Harga 2.975 gram perak (1 dirham)	Harga 500 dirham
<b>Jan 2016</b>	RM 1.91	RM 5.68	RM 2,840
<b>Feb 2016</b>	RM 1.92	RM 5.71	RM 2,855
<b>Mac 2016</b>	RM 1.96	RM 5.83	RM 2,915
<b>Apr 2016</b>	RM 1.88	RM 5.59	RM 2,795
<b>Mei 2016</b>	RM 2.22	RM 6.60	RM 3,300
<b>Jun 2016</b>	RM 2.12	RM 6.31	RM 3,155
<b>Jul 2016</b>	RM 2.50	RM 7.44	RM 3,720
<b>Ogos 2016</b>	RM 2.65	RM 7.88	RM 3,940
<b>Sept 2016</b>	RM 2.47	RM 7.35	RM 3,675
<b>Okt 2016</b>	RM 2.48	RM 7.38	RM 3,689

Nota : Nilai berdasarkan harga ‘spot’ perak.<sup>73</sup>

Berdasarkan jadual di atas, nilai 500 dirham telah dihitung pada tahun 2016 dengan merujuk kepada harga ‘spot’ perak. Pada bulan

<sup>71</sup> Spekulasi adalah penangguhan risiko pertukaran yang disengajakan untuk mendapatkan keuntungan. Lihat *Kamus Dewan* (2002), *op. cit.*, h. 1302.

<sup>72</sup> Manipulasi adalah tindakan pelabur yang mengadakan pergerakan harga atau minat dalam sesuatu sekuriti bagi tujuan menarik pelabur lain supaya melabur dalam sekuriti berkenaan. Lihat *Kamus Dewan* (2002), *op. cit.*, h. 857.

<sup>73</sup> Silverprice.org, dirujuk pada 19 Oktober 2016. Harga dicatat pada 1 haribulan setiap bulan daripada Januari hingga Oktober pada tahun 2016.

Januari, 500 dirham bersamaan RM2,840, kemudiannya meningkat kepada RM2,855 pada Februari dan terus meningkat kepada RM2,915 pada Mac. Pada April, nilai perak menurun kepada RM2,795, namun melonjak kepada RM3,300 pada Mei. Setelah itu, menurun kepada RM3,155, akan tetapi terus meningkat kepada RM3,720 dan RM3,940 pada Julai dan Ogos. Pada September, nilainya RM3,675 rendah berbanding sebelumnya, namun meningkat kepada RM3,689 pada Oktober. Perubahan harga berlaku daripada semasa ke semasa. Purata nilai 500 dirham dihitung untuk tempoh sepuluh bulan pada tahun 2016 adalah RM 3,288.30. Nilai perak mengalami naik dan turun harga, namun kenaikan dan penurunan mengikut pasaran dunia. Kejatuhan harga mendorong pembeli membeli emas dan perak, manakala kenaikannya mendorong pembeli menjualnya.

Sejak akhir-akhir ini, banyak syarikat yang menempa dinar dan dirham, sama ada luar mahupun dalam negara. Dinar dan dirham kini menjadi tumpuan ramai. Antara syarikat yang menjual dinar dan dirham adalah World Islamic Mint (WIM)<sup>74</sup>, Kelantan Gold Trade (KGT)<sup>75</sup>, Public Gold<sup>76</sup>, dan Bank Negara Malaysia (BNM)<sup>77</sup> juga mengeluarkan koin emas, Kijang Emas. Namun, harga-harganya ditentukan setelah pelbagai kos diambil kira.

---

<sup>74</sup> World Islamic Mint (WIM) adalah sebuah institusi yang mengendalikan, menggalakkan dan memperkenalkan kepada dunia piawaian dinar dan dirham Islam. Semenjak itu, banyak projek penempaan telah mula menjangkau Afrika Selatan hingga ke Malaysia dan juga Amerika Syarikat. WIM mengesahkan pematuhan terhadap piawaian undang-undang Islam dan produk yang menepati piawaian akan menerima lesen daripada WIM. Lihat <http://www.islamicmint.com/>, dirujuk pada 19 Oktober 2016.

<sup>75</sup> Kelantan Gold Trade (KGT) merupakan anak syarikat kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang berperanan dalam membuka sayap dalam mengembangkan penggunaan dinar dan dirham yang telah terkubur sejak zaman Uthmaniah. Dinar Kelantan dan Dirham Kelantan telah dilancarkan pada 12 Ogos 2010. Lihat <http://kgt.com.my/v4/>, dirujuk pada 19 Oktober 2016.

<sup>76</sup> Public Gold mula ditubuhkan pada tahun 2008 oleh Dato' Wira Louis Ng Chun Hau. Public Gold telah mengadakan aktiviti perdagangan emas termasuk penempaan dan penulenan emas. Antara produk yang dikeluarkan adalah bullion emas, dinar emas, bullion perak, dirham dan wafer. Lihat [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_misc&pg=en\\_misc\\_kijang&ac=302&lang=en](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_misc&pg=en_misc_kijang&ac=302&lang=en), dirujuk pada 19 Oktober 2016.

<sup>77</sup> Malaysia adalah negara ke-12 di dunia yang mengeluarkan sendiri duit syiling bulion emas. Kijang Emas kini menyertai barisan syiling bulion emas antarabangsa yang lain. Reka bentuk bahagian depan daripada Kijang Emas menggambarkan rusa menyalak ("kijang") di dalam habitat semulajadinya di hutan Malaysia. Bahagian belakang mempunyai bunga raya, bunga kebangsaan Malaysia. Harga belian dan jualan semula daripada Kijang Emas ini telah dipilih mengikut harga pasaran emas antarabangsa. Harga pasaran setiap hari dipaparkan di laman web Bank. Kijang Emas yang ditempa oleh Kilang Wang Bank Negara Malaysia dan diedarkan oleh Maybank Berhad. Lihat [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_misc&pg=en\\_misc\\_kijang&ac=302&lang=en](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_misc&pg=en_misc_kijang&ac=302&lang=en), dirujuk pada 5 Oktober 2016.

Jadual 3 : Harga dinar dan dirham semasa berdasarkan syarikat pengeluar.

	Syarikat Pengeluar dinar dan dirham			
	Kijang Emas	World Islamic Mint (WIM)	Kelantan Gold Trade (KGT)	Public Gold
<b>Dinar / Syiling emas</b>	RM 5,632 ( 1 oz ) RM 2,869 (1/2 oz) RM 1,461 (1/4 oz)	RM 823 (1 dinar)	RM 789 (1 dinar)	RM 785 (1 dinar)
<b>Dirham</b>	Tiada	RM 20 (1 dirham)	RM 20 (1 dirham)	RM 15.50 (1 dirham)

Nota : Harga dinar dan dirham berdasarkan harga semasa<sup>78</sup> daripada syarikat pengeluar.

Jadual 3 di atas merujuk kepada harga dinar dan dirham mewakili tiga syarikat pengeluar. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Kijang Emas dalam bentuk 1 oz,  $\frac{1}{2}$  oz dan  $\frac{1}{4}$  oz. Syiling emas 1 oz mempunyai berat 31.105 gram emas tulen bernilai RM 5,632,  $\frac{1}{2}$  oz pula beratnya 15.550 gram emas tulen berharga RM 2,869 dan  $\frac{1}{4}$  oz pula 7.780 gram emas tulen yang bernilai RM 1,461. Harga yang berbeza pada timbangan yang berbeza. Manakala World Islamic Mint, Kelantan Gold Trade dan Public Gold telah mengeluarkan kepingan dinar tersendiri yang bernilai RM 823, RM 789 dan RM 785. Bank Negara Malaysia tidak mengeluarkan syiling perak mahupun dirham, akan tetapi World Islamic Mint, Kelantan Gold Trade dan Public Gold mengeluarkannya dalam pelbagai bentuk. Satu dirham World Islamic Mint dan Kelantan Gold Trade bernilai RM 20 manakala satu dirham Public Gold bernilai RM 15.50 namun, syarikat ini hanya mengeluarkan sekeping dirham yang bernilai 10 dirham yang berharga RM 155. Harga dirham adalah harga mampu milik. Tingkat harga semasa perlu sentiasa dilihat kerana perubahannya berbeza-beza pada setiap hari.

Masyarakat kini telah terbuka dalam menjadikan dinar emas sebagai mas kahwin<sup>79</sup> terutama masyarakat di Kelantan, dengan

<sup>78</sup> Harga semasa dirujuk pada 19 Oktober 2016.

<sup>79</sup> Suatu keistimewaan yang besar bagi pasangan yang menggunakan dinar dan dirham sebagai mas kahwin. Emas sebagai logam yang berharga mempunyai kestabilan nilai intrinsik yang hakiki, adil, stabil, tiada riba dan tiada penipuan. Penggunaan dinar dan dirham dalam perkahwinan telah mula diamalkan oleh segerintir masyarakat di Malaysia. Pada tahun 2000, pasangan artis Malaysia, M. Nasir dan Marlia Musa antara yang terawal menjadikan dinar emas sebagai mas kahwin. Antara pasangan artis yang lain adalah Irma Hasmie Ibrahim dan Redza Syah Azmeer Mohd. Redzuan turut menjadikan dinar emas sebagai mas kahwin. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0903&pub=utusan\\_malaysia&sec=Hiburan&pg=et\\_02.htm&](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0903&pub=utusan_malaysia&sec=Hiburan&pg=et_02.htm&) [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120630/hi\\_10/Irma-Mohd.-Redza-selamat-diijab-kabul](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120630/hi_10/Irma-Mohd.-Redza-selamat-diijab-kabul)

kewujudan Kelantan Gold Trade (KGT) adalah salah satu peluang dalam menyedarkan orang ramai tentang emas dan perak. Negeri Kelantan antara negeri yang tidak menetapkan kadar mas kahwin untuk pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga.<sup>80</sup> Kadar mas kahwin mengikut keluarga Rasulullah S.A.W adalah 500 dirham sepetimana yang dibincangkan di atas. Nilai 500 dirham dihitung dalam ringgit Malaysia bagi memudahkan pasangan untuk merujuk kepada sunnah baginda S.A.W.

Hasil analisa jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa kadar mas kahwin yang sesuai sepanjang zaman antara 400 hingga 500 dirham, sebagaimana yang berlaku dalam keluarga Rasulullah S.A.W. Purata nilai 500 dirham berharga RM 3,288.30 adalah paling terbaik untuk diikuti oleh pasangan-pasangan yang bakal berkahwin. Masyarakat kini terlalu mengikut adat dan tidak memikirkan baik buruk sesuatu tindakan. Penggunaan dinar emas dan dirham perak dalam mas kahwin adalah sesuatu yang menguntungkan pasangan.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, mas kahwin yang terbaik adalah mas kahwin yang dirujuk kepada keluarga Rasulullah S.A.W. Keluarga baginda S.A.W menerima mas kahwin tidak melebihi 500 dirham. Nilai 500 dirham adalah nilai yang bersesuaian untuk semua taraf manusia, miskin mahupun kaya. Oleh itu, dinar dan dirham telah dijadikan panduan utama untuk penentuan nilai mas kahwin sepanjang zaman.

Penggunaan mata wang dinar dan dirham ternyata boleh mengawal ketidakstabilan ekonomi. Di Malaysia, laluan untuk mengukuhkan ekonomi dengan memaksimakan penggunaan kedua-dua mata wang ini menjadi semakin mudah. Sebagai contoh, Malaysia sudah melaksanakan ekonomi secara Islam dalam perbankan Islam, takaful, produk-produk bank yang islamik seperti Ar-Rahnu dan yang terkini telah dilancarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) simpanan shariah. Kepelbagaiannya kontrak syariah telah membantu perkembangan pelbagai produk dan inovasi dalam kewangan Islam. Integriti kewangan Islam, identiti dan ciri-ciri uniknya perlu didukung dan diperkasakan. Malah pematuhan syariah sebagai asas kewangan Islam dan *maqāsid sharī'ah* (tujuan-tujuan pensyariatan hukum) perlu diutamakan. Pelbagai lagi produk Islam dapat dikeluarkan dengan berpandukan kepada syariah

<sup>80</sup> [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1212&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_23.htm&arc=hive](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1212&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_23.htm&arc=hive)

Islam. Diharapkan era agenda pemulihan ekonomi menurut prinsip-prinsip ekonomi Islam akan berjalan dengan lancar dan difahami oleh semua kaum di Malaysia.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karīm

- ‘Abd al-Ghanī b. ‘Abd al-Wāhid al-Maqdisī (1413), *Mukhtaṣar Sīrah al-Nabī S.A.W wa Sīrah Aṣḥābih al-‘Asharah*, t.q. Khālid b. ‘Abd al-Rahmān, Riyāḍ: Dār al-Waṭān.
- ‘Abd al-Malik b. Hishām (1990), *Sīrah Ibn Hishām*, t.q. ‘Umar ‘Abd al-Salām Tadmūrī, ed. 3, 4 j. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- ‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. Khaldūn al-Haḍramī (2004), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, t.q. ‘Abd Allah Muḥammad al-Darwīsh, 2 j. Dimashq: Dār Balkhi & Maktabah al-Hidāyah.
- Abū Bakr Jābir al-Jazā’irī (1964), *Minhāj al-Muslim* c. 4, Qāhirah: Dār al-Salām.
- Amat @ Anwar Haji Zainal Abidin (2002), “Sejarah Penggunaan Matawang Dinar”, (Kertas Kerja Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan, anjuran Universiti Sains Islam Malaysia di Kuala Lumpur, 16 Mac 2002).
- Ismā’īl b. Kathīr al-Dimashqī (2000), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, t.q. Muṣṭafā al-Sa’īd Muḥammad *et al*, 15 j. al-Qāhirah: Mu’assasah Qurṭabah.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002), Dewan Bahasa dan Pustaka.
- B. Lewis, Ch. Pellat dan J. Schacht (1983), *The Encyclopedia Of Islam*, Leiden: E. J. Brill, Netherland.
- Muhammad Amīn b. ‘Ābidīn (2003), *Radd al-Muḥtār ‘alā al-Dar al-Mukhtār Sharh Tanwīr al-Abṣār*, t.q. al-Shaykh ‘Aādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, al-Shaykh ‘Alī Muḥammad Ma’ūd , 13 j. al-Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub.

- Muhammad b. Abī Bakr al-Zā'ī al-Dimashqī (1994), *Zād al-Ma'ād*, t.q.  
Shu'ayb al-Arn'aūt dan 'Abd al-Qādir al-Arn'aūt, ed. 27, 6 j.  
Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Muhammad b. 'Isā b. Sūrah al-Tirmidhī (2009), *al-Jāmi' al-Kabīr*, t.q.  
Shu'ayb al-Arn'aūt dan 'Abd al-Laṭīf, 6 j. Dimashqi: Dār al-  
Risālah al-'Ālamiyyah.
- Muhammad b. Ismā'il al-Bukhārī (1979), *al-Jāmi' al-Sahīh*, t.q, tas Muhib  
al-Dīn al-Khaṭīb, 4 j. al-Qāhirah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (2002), *Sahīh Abī Dāwud*, kitāb al-  
Nikāh, 7 j. al-Kuwayt: Mu'assasah Gharas.
- M.Shabri Abd. Majid (2006), "Analisis Terhadap Usaha Mendaulatkan  
Dinar dan Dirham Sebagai Mata Wang Alternatif Dunia Islam",  
*Jurnal Syariah*, 14:2: h. 49-71.
- Muhammad Shams al-Haq al-'Azīz Ābādī (1968), *'Awn al-Ma'abūd  
Sharh Sunan Abī Dāwud*, t.q. 'Abd al-Rahmān Muḥammad  
'Uthmān, no.h. 2093, ed. 2, 14 j. al-Madīnah al-Munawarah: al-  
Maktabah al-Salafiyyah.
- Muhammad b. Yazīd al-Quzwaynī (1998), *Sunan Ibn Mājah*, t.q. Bashshār  
'Awwār Ma'rūf, 6 j. Bayrut: Dār al-Jayl.
- Muslim b. al-Hajjāj (t.t), *al-Jāmi' al-Sahīh*, t.tp.
- Roy W. Jastram (2009), *The Golden Constant: The English and American  
Experience 1560-2007*, UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Şafī al-Rahmān al-Mubārakfurī (2007), *al-Raḥīq al-Makhtūm*, Qatr:  
Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Salmy Edawati Yaacob dan Hailani Muji Tahir (2009), "Sejarah Dinar  
Emas dan Kronologi Pertukaran Mata wang Dunia", *Jurnal al-  
Tamaddun*, bl. 4, h. 107-127.
- Salmy Edawati Yaacob dan Hailani Muji Tahir (2012), "Aplikasi Semasa  
Penggunaan Dinar Emas di Malaysia", *Jurnal Islam dan  
Masyarakat Kontemporari*, Julai Jilid 5: h. 53-63.

Sulaymān b. al-‘Ash’ath al-Sijistānī (2004), *Kitāb al-Sunan Sunan Abī Dāwud*, kitāb al-Nikāh, t.q. Muḥammad ‘Awwāmah, no.h. 2100, ed. 2, 5 j. Bayrūt: Mu’assasah al- Rayyān.

Yaḥyā b. Sharaf al-Nawawī (2003), *Rawdah al-Tālibīn*, t.q. al-Shaykh ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, al-Shaykh ‘Alī Muḥammad Ma’ūd, 8 j. Bayrūt: Dār ‘Ālam al-Kutub.

Yaḥyā b. Syaraf al-Nawawī ( 1994 ), *Sahih Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, kitāb al-Nikāh, ed. 2, 18 j. Mu’assasah Qurṭubah.

### **Laman Web:**

Bank Negara Malaysia: Maklumat Kijang Emas dan harga Kijang Emas, [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_misc&pg=en\\_misc\\_kijang&ac=302&lang=en](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_misc&pg=en_misc_kijang&ac=302&lang=en) dan [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=statistic&pg=statistic\\_kijangemas](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=statistic&pg=statistic_kijangemas) dirujuk pada 5 Oktober 2016.

Kelantan Gold Trade: The Land of Dinar & Dirham, <http://kgt.com.my/v4/> , dirujuk pada 5 Oktober 2016

Silverprice, <https://silverprice.org/>, dirujuk pada 19 Oktober 2016.

Utusan Online: dalam negeri, Nik Aziz tidak setuju mas kahwin naik, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1212&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_23.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1212&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_23.htm&arc=hive), dirujuk pada 12 Disember 2009.

Utusan Online: hiburan, Pengakuan Marlia Musa pada hari pernikahan, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0903&pub=utusan\\_malaysia&sec=Hiburan&pg=et\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0903&pub=utusan_malaysia&sec=Hiburan&pg=et_02.htm), dirujuk pada 3 September 2000.

Utusan Online: hiburan, Irma, Mohd Redza selamat diijab Kabul, [http://www.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120630/hi\\_10/Irma-Mohd.-Redza-selamat-dijab-kabul](http://www.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120630/hi_10/Irma-Mohd.-Redza-selamat-dijab-kabul), dirujuk pada 3 Jun 2012.

Wikipedia: Ibn Khaldun, [https://en.wikipedia.org/wiki/Ibn\\_Khaldun](https://en.wikipedia.org/wiki/Ibn_Khaldun), dirujuk pada 2 Oktober 2016.

World Islamic Mint, <http://www.islamicmint.com/>, dirujuk pada 5 Oktober 2016.